

SUSUNAN III

Pengukuran tanah untuk pertanian

1. Susunan ini memperuntukkan bayaran fi untuk pengukuran tanah bagi maksud pertanian termasuk tanah bagi maksud akuakultur atau pengukuran untuk pecah sempadan, penyatuan dan pecah bahagian di kawasan luar bandar.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini untuk setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:

2.1 Maksud pertanian

- (a) Caj asas setiap kerja – RM1,000.00
- (b) Caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja.
- (c) Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
- (d) Caj bagi pengukuran tanah bagi maksud beri milikan baru atau pecah bahagian di mana lot yang telah diberi milik atau lot asal yang akan dipecah bahagian ialah 5 hektar atau kurang adalah seperti yang berikut:

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
(i) Lot kurang daripada 0.5 hektar	400.00
(ii) Lot 0.5 hektar tetapi kurang daripada 2.5 hektar	800.00
(iii) Lot 2.5 hektar tetapi kurang daripada 5 hektar	1,200.00

- (e) Caj bagi pengukuran setiap lot pertanian selain (d) di atas—

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot</i> (RM)
(i) Lot kurang daripada 0.5 hektar	740.000
(ii) Lot 0.5 hektar tetapi kurang daripada 2.5 hektar	1,660.00
(iii) Lot 2.5 hektar tetapi kurang daripada 5.0 hektar	2,350.00
(iv) Lot 5.0 hektar tetapi kurang daripada 10.0 hektar	3,320.00
(v) Lot 10.0 hektar tetapi kurang daripada 15.0 hektar	4,060.00
(vi) Lot 15.0 hektar tetapi kurang daripada 20.0 hektar	4,690.00
(vii) Lot 20.0 hektar tetapi kurang daripada 25.0 hektar	5,250.00
(viii) Lot 25.0 hektar tetapi kurang daripada 30.0 hektar	5,750.00
(ix) Lot 30.0 hektar tetapi kurang daripada 35.0 hektar	6,210.00
(x) Lot 35.0 hektar tetapi kurang daripada 40.0 hektar	6,640.00
(xi) Lot 40.0 hektar tetapi kurang daripada 45.0 hektar	7,040.00
(xii) Lot 45.0 hektar tetapi kurang daripada 50.0 hektar	7,420.00
(xiii) Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya melebihi 50 hektar pertama	100.00
 (f) Caj bagi pengukuran garisan bagi azimut, sambungan, kawalan dan pengukuran minimum.	 2.00 bagi setiap meter
(g) Jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d), (e) dan (f) di atas adalah terpakai.	

(h) Dalam kawasan keselamatan—

- (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkeajaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai; atau
- (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkeajaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.

(i) Caj di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)

(j) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan

transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

2.2 Akuakultur dan maksud lain yang sama

- (a) Caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00.
- (b) Caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 setiap kerja.
- (c) Caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM8.00 bagi setiap meter.
- (d) Caj bagi pengukuran untuk penetapan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
- (e) Jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai.
- (f) Dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.
- (g) Caj di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:

Jarak ke tapak kerja dari jalan\ kenderaan

Caj

bermotor

0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

- (h) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.